



JABATAN PERDANA MENTERI  
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

# Buletin JKEM

**EDISI 1/2023**



[www.cgso.gov.my](http://www.cgso.gov.my)



jpm



cgso



cgso\_news

# Perutusan

## KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN



*Bismillahirrahmanirrahim.*

**Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, segala puji dan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin ILKEM Edisi Pertama Tahun 2023 dapat direalisasikan dengan penuh jayanya. Syukur saya dapat mengungkapkan sepatah dua kata di dalam Buletin ILKEM Edisi Pertama tahun ni.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi Buletin ILKEM. Saya amat menghargai dedikasi dan kesungguhan sidang redaksi Buletin ILKEM dalam merealisasikan penerbitan Buletin ini. Penerbitan Buletin ILKEM ini merupakan satu kebanggaan kepada CGSO dan mencerminkan kesungguhan CGSO dalam menggembangkan tenaga untuk menjayakan budaya kerja berpasukan.

Scenario dan cabaran semasa dipacu dengan arah aliran (trend) global memerlukan penjawat awam mengubah tatacara penyampaian perkhidmatan kepada rakyat supaya perkhidmatan awam terus diyakini dan dihormati. Dalam konteks ini, Pegawai Keselamatan Kerajaan perlu berubah secara konsisten dan menyesuaikan diri dengan islah semasa yang menuntut supaya Pejabat ini terus kekal relevan. Situasi ini bertepatan dengan gagasan MALAYSIA MADANI yang memerlukan penglibatan penjawat awam sebagai tanda dokongan ampuh di bawah pimpinan YAB Dato Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri.

Pada 9 Mac 2023, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara telah merasmikan pelancaran Pelan Strategik CGSO 2023-2025, Pelan Transformasi CGSO 2030 dan Uniform Baharu Pejabat CGSO. Kedua-dua pelan ini telah dirangka dengan mengambil kira elemen Rancangan Malaysia ke 12 (RMK12) dan dasar-dasar Kerajaan yang dibangunkan pada masa kini.

Dalam konteks ini, Pelan Strategik CGSO 2023-2025 dan Pelan Transformasi CGSO 2030 yang dibangunkan seiring dengan konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menekankan pemerkasaan ekonomi dan budaya berteraskan nilai, etika dan akhlak. Kedua-dua Pelan yang disediakan secara cermat dan teliti sudah tentu menggariskan beberapa teras, strategi, dan mauduk pelaksanaan secara tertib yang mana terdapat matlamat jangka pendek dan jangka panjang.

Sekali lagi sekalung tahniah diucapkan kepada ILKEM di atas kejayaan menerbitkan Buletin ILKEM Edisi Pertama Tahun 2023. Buletin ini merupakan wadah penghubung penting dalam memupuk budaya keselamatan di kalangan penjawat awam khususnya warga CGSO. Tinggi harapan saya agar Buletin ILKEM dapat diteruskan dengan kualiti yang diperhebatkan lagi.

Sekian, terima kasih.

**YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail**  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

## SIDANG REDAKSI Buletin ILKEM EDISI 1/2023



### PENAUNG

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail

### PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip

### KETUA PENGARANG

Encik Roselan Bin Mohamed

### PEGAWAI PENYELARAS

Encik Shamsir bin Md Saleh  
Encik Rosno Irwan bin Roslan  
Puan Harafeah binti Harun

### PEREKA GRAFIK

Encik Yuhaizan bin Yunus

# Perutusan

## PENGARAH ILKEM



### **Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera**

Alhamdulillah segala puji bagi Allah, Tuhan yang Maha Esa dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita kini sudah berada dalam tahun 2023. Saya mewakili Pengurusan Tertinggi Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia ( ILKEM) mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi -tinggi penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada seluruh warga kerja ILKEM atas segala usaha, kerja keras dan komitmen dalam menjayakan segala tugas yang diamanahkan pada tahun 2022.

Sepanjang tahun 2022, ILKEM telah melaksanakan pelbagai jenis program dan aktiviti seperti yang dirancang. InsyaAllah, pada tahun 2023 ini kita akan menyasarkan program mengikut takwim tahunan 2023. Semoga pencapaian dalam tahun 2022 menjadi suatu azam dan inspirasi yang kuat untuk kita terus bekerja keras ke arah mencapai visi dan misi ILKEM pada tahun ini.

Pihak ILKEM telah merancang dan menyusun program serta aktiviti bagi memastikan usaha-usaha dalam mengurangkan pelanggaran keselamatan dipertingkatkan dan sentiasa menepati keperluan penjawat awam serta masyarakat. Di samping itu juga, ILKEM berusaha memastikan latihan dalam keselamatan perlindungan yang berkualiti dan terkini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan dalam sektor awam dan swasta yang berkaitan. Segala aturan dan dasar yang dirangka ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan padu daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) yang sentiasa menyokong ILKEM dalam mencapai perkhidmatan yang cemerlang.

ILKEM berusaha untuk memastikan segala ilmu dan maklumat yang disampaikan kepada seluruh penjawat awam dan masyarakat adalah sahih. Selain itu, dengan penuh harapan agar perkhidmatan ILKEM sebagai sumber utama untuk dirujuk dalam pendidikan dan latihan keselamatan perlindungan dapat dimanfaatkan dengan baik sehingga dapat melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi.

Akhir kata, saya percaya kedatangan tahun 2023 pasti akan membawa kita mendepani pelbagai cabaran baharu yang berkemungkinan jauh lebih getir dan complicated. Namun, saya berkeyakinan penuh bahawa segalanya akan berjalan dengan lancar melalui kerjasama padu daripada semua pihak yang akan dapat memperolehi keberkatan dan kecemerlangan dalam semua bidang tugas masing-masing.

**Encik Roselan Bin Mohamed  
Pengarah  
Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia(ILKEM)**





## PENULISAN ILMIAH

### SIKAP TIDAK BERTANGGUNGJAWAB PUNCA FENOMENA BANJIR

En. Mohd Faizul bin Mohd Nor,  
Pegawai Keselamatan Kerajaan KP44

Isu alam sekitar seperti banjir merupakan perkara bukan luar biasa di Malaysia. Banjir atau bah ialah keadaan air yang menenggelami atau menggenangi sesuatu kawasan atau tempat luas yang biasanya kering.

Pada Disember 2021, Malaysia telah dikejutkan dengan kejadian banjir terburuk sepanjang negara pernah berhadapan dengan krisis tersebut. Fenomena di luar kebiasaan ini tidak hanya berlaku di negeri Pantai Timur sebagaimana lazimnya malah, membabitkan sebelas buah negeri di Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Perak, Johor, Sabah, Sarawak dan Terengganu.

Lebih mengejutkan, banjir luar biasa ini turut menenggelamkan beberapa kawasan Lembah Klang terutamanya negeri Selangor yang jarang sekali mengalami kejadian sebegini. Banjir pada tahun 2021 dilihat luar daripada kebiasaan apabila melanda negeri-negeri yang jarang berisiko fenomena tersebut.

Kejadian banjir besar ini turut diburukkan dengan fenomena air pasang yang berlaku di persisiran pantai Selangor. Lebih membimbangkan, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) pada ketika itu menjangkakan air pasang setinggi empat meter bakal melanda sekitar Pelabuhan Klang.

Satu persatu peristiwa yang mencetuskan kebimbangan menyusul lantaran hujan yang berpanjangan sejak Disember 2021 sehingga Januari 2022. Banjir kilat, tanah runtuh, hakisan tanah, fenomena air pasang besar dan limpahan air sungai menambahkan kerunsingan ramai pihak.



Bencana banjir yang berlaku sehingga menyebabkan kerosakan harta benda pada skala besar



Eksplotasi sumber hutan secara berlebihan melalui aktiviti pembalakan boleh menganggu gugat struktur tanah sehingga menyebabkan berlaku hakisan dan tanah runtuhan. Sikap tidak bertanggungjawab, kegagalan mengurus dan kurang kesedaran terhadap alam sekitar merupakan sebahagian punca fenomena berantai ini.

Sebagaimana biasa, peristiwa tanah runtuhan sering sahaja dikaitkan dengan hujan lebat yang berterusan. Hal ini, membuktikan fenomena semula jadi seperti hujan lebat yang berterusan bukan punca utama berlakunya tanah runtuhan. Sebaliknya, sikap manusia sendiri yang membawa kepada kemasuhan alam sekitar.

Secara amnya, tragedi banjir yang berlaku amat memberi kesan terhadap kemasuhan alam sekitar. Peristiwa yang berlaku secara berturut-turut ini telah memusnahkan hampir keseluruhan ekosistem alam semula jadi seperti tanah, sungai, hutan dan sebagainya.

Kesan kemasuhan ini dapat dilihat apabila pelbagai spesies haiwan ternakan turut terjejas teruk dan mati. Begitu juga dengan hasil tanaman pertanian yang musnah akibat runtuh tanah dan banjir.

Pencemaran sungai turut berlaku apabila kayu yang telah dipotong dan ditinggalkan dibawa bersama arus sungai sehingga menyebabkan terjadi banjir lumpur. Kawasan perumahan pula terpaksa berdepan dengan masalah timbunan sampah pasca bencana.

Perkara ini jelas menunjukkan berlaku eksplotasi sumber alam secara tidak terkawal seperti penebangan hutan bagi tujuan pembalakan, aktiviti pertanian dan pembuangan sampah. Tindakan luar kawalan ini membolehkan ekosistem terganggu dan sebarang perubahan akan meninggalkan kesan negatif terhadap alam seterusnya meruncingkan tindak balas antara manusia dengan persekitaran.

Berdasarkan impak negatif dikemukakan, terdapat pelbagai langkah yang perlu tindakan segera bagi membendung permasalahan yang berlaku. Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar terutamanya amat penting untuk diberi perhatian.

Hal ini berikutan fenomena berantai yang berlaku secara berturutan kesan daripada hujan yang berpanjangan. Banjir kilat, tanah runtuh dan limpahan air antara perkara yang perlu dikawal selia dengan baik.

Langkah drastik perlu diambil pihak berwajib sama ada pihak pemaju maupun pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan melaksanakan konsep pembangunan lestari iaitu dengan mengambil kira tiga faktor utama iaitu alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Keutamaan harus diberikan kepada tahap kesedaran dan kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi bencana yang masih berada pada tahap rendah. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat memandang ringan terhadap keadaan cuaca yang tidak menentu serta tidak mengambil peduli maklumat berkaitan banjir seperti peningkatan paras laut, pemanasan global dan gelombang ribut.

Pemerkasaan terhadap penyebaran maklumat tentang info banjir perlu sentiasa di hebahkan. Masyarakat juga perlu peka dengan permasalahan persekitaran agar dapat membina keupayaan kendiri dengan pengetahuan serta kesedaran yang boleh diperoleh daripada sosial media.

Inisiatif sedia ada ini boleh ditambah baik dengan menguatkuasakan undang-undang yang tegas terhadap pembalakan haram dan pembuangan sampah secara berleluasa sehingga menyebabkan kemasuhan alam.



## BULETIN ILKEM EDISI 1/2023

Sesi Temuduga Tapisan Keselamatan Halus bagi Januari 2023 dengan Kerjasama ILKEM diadakan pada 09 Januari hingga 20 Januari 2023



## BENGKEL KAJIAN PENUBUHAN BAHAGIAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (BKEP) DI KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN

Pada 19 Januari 2023 , YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan (Dasar) telah merasmikan penutupan Bengkel Kajian Penubuhan Bahagian Keselamatan Perlindungan (BKEP) di Kementerian dan Jabatan Persekutuan Bil. 1 Tahun 2023 yang bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

Objektif penganjuran bengkel kajian ini adalah bagi mendapatkan input terkini, idea baharu, pandangan dan juga buah fikiran daripada para peserta di dalam membantu penambahbaikan bagi Pejabat CGSO melaksanakan cadangan penubuhan BKEP di Kementerian dan Jabatan Persekutuan.

Cadangan penubuhan BKEP di Kementerian dan Jabatan Persekutuan ini telah bermula pada tahun 2020 selaras dengan Pelan Strategik CGSO 2020 - 2022, Strategi 4 (Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan).



Bengkel selama tiga (3) hari yang diselaraskan oleh Bahagian Keselamatan Fizikal & Penilaian Teknikal ini telah dihadiri oleh Pegawai-pegawai ibupejabat, negeri dan kader. Turut terlibat wakil-wakil Kementerian, jabatan dan agensi persekutuan.



Kursus Pengawalan Keselamatan Fizikal Diadakan pada 17 Hingga 19 Januari 2023 Yang Telah Dihadiri Seramai 9 Orang Peserta



Proses Penampalan Pelekat Aset Di Sekitar Pejabat Asrama Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia Pada 20 Januari 2023




Lawatan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Ke Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia Pada 26 Januari 2023



Bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam Malaysia Dan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam Yang Diadakan Di Auditorium ILKEM Pada 1 Februari 2023 Yang Telah Dihadiri Oleh Semua Pegawai Dan Kakitangan Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia.



Kursus Pengurusan Keselamatan Sasaran Penting Dan Kawasan Larangan Tempat Larangan Bagi Penghuni Dan Pemilik Diadakan pada 07 Hingga 09 Februari 2023 Yang Telah Dihadiri Seramai 11 Orang Peserta.



Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) 07 Hingga 09 Februari 2023 Yang Dihadiri 20 Orang Peserta



Peperiksaan Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Gred KP11 Di Jabatan Perdana Menteri dan Pelbagai Jabatan diadakan pada 21 Februari 2023 Yang Telah dihadiri Seramai 30 calon.



Sesi Temuduga Tapisan Keselamatan Halus bagi Februari 2023 dengan Kerjasama ILKEM diadakan pada 22 Februari hingga 24 Februari 2023



Bengkel Pemurnian Pekeliling dan Garis Panduan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) Pejabat CGSO diadakan Pada 21 Februari hingga 23 Februari 2023 Yang telah dihadiri seramai 20 orang peserta.



Kursus Pemahaman Manual Penjelasan Lanjut Arahan Keselamatan Siri 1/2023 diadakan pada 22 Februari hingga 23 Februari 2023 Yang Telah dihadiri seramai 22 orang peserta.



Kursus Kawalan Dokumen Rahsia Rasmi ( DCC 1008) Siri 1/2023 diadakan pada 22 Februari hingga 23 Februari 2023 Yang Telah dihadiri seramai 11 orang peserta.



Kursus Pengenalan Kesedaran Keselamatan Maklumat (ICT) (ITS 1005) Siri 1/2023 diadakan pada 22 Februari hingga 23 Februari 2023 Yang Telah dihadiri Seramai 12 Orang peserta.



Mesyuarat arkitek kanan JKR Bil. 1/2023 Diadakan pada 27-28 Februari 2023 dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah kerja Raya (Sektor Pakar) YBrs. Sr Amran bin Hj Mohd Majid



## BENGKEL PENILAIAN DAN PEMURNIAN INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN TAHUN 2023

Pada 06 hingga 09 Mac 2023, Bahagian Inspektorat Pematuhan dan Pengiktirafan (BIPP) telah menganjurkan Bengkel Penilaian Dan Pemurnian Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2023 , bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi) telah merasmikan pembukaan bengkel ini. Peserta-peserta bengkel terdiri daripada pegawai-pegawai Ibu Pejabat CGSO dan CGSO Negeri-negeri seluruh Malaysia.

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk penambahbaikan dan mengemaskini Borang Senarai Semak Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2023 selaras dengan pindaan Arahan Keselamatan dan Pekeliling yang berkuatkuasa.



Kursus Pengawalan Keselamatan Fizikal Diadakan pada 08 Mac hingga 10 Mac 2023 di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia Yang Telah Dihadiri Seramai 45 Orang Peserta.



Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan Diadakan pada 08 Mac hingga 09 Mac 2023 di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia Yang Telah Dihadiri oleh seramai 16 Orang Peserta



Perbincangan Berkaitan Bengkel Penulisan Ilmiah Siri 1/2023 bersama dengan Y.brs Dr Jasmine AK edmund Andrew,Ketua Pusat Penyelidikan & Konsultasi INTAN pada 16 Februari 2023 Di INTAN, Bukit Kiara.



Bengkel Penulisan Ilmiah siri 1/2023 Yang Telah Diadakan pada 13 Mac hingga 14 Mac 2023. dengan kerjasama pihak INTAN, Bukit Kiara. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang teknik penulisan berkualiti dalam penghasilan penulisan ilmiah seperti artikel atau jurnal, telah dirasmikan oleh Ybrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) CGSO. Barisan Peceramah & Fasilitator diketuai oleh YBhg Dato' Dr Roslan bin Mahmood Timbalan Pengarah Intan( Penilaian Program & Potensi)



Peperiksaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 di Jabatan Perdana Menteri dan Pelbagai Jabatan berlangsung pada 16 Mac 2023 di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia Yang Telah Dihadiri oleh 4 orang calon.



Kursus Kawalan Dokumen Rasmi Dan Dokumen Rahsia Rasmi Bagi Pendaftar Rahsia, Pembantu Khas Dan Kesetiausahaans Pejabat Diadakan Pada 14 Mac Hingga 15 Mac 2023 yang telah dihadiri seramai 28 Orang Peserta.



Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) Telah Diadakan Pada 14 Mac Hingga 16 Mac 2023 yang telah dihadiri seramai 15 Orang Peserta.





**Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri**

Persiaran Timur 3, Bandar Enstek, 71760 Bandar Baru Enstek  
Negeri Sembilan

No.Telefon : 06-799 3301  
No. Faksimili : 06-799 4667

[www.cgso.gov.my](http://www.cgso.gov.my)